

Penan bukan bahan tontonan

17 FEB 1990

Oleh JAILANI HARUN
dan KADIR DIKOH

KUCHING, Jumaat — Malaysia tidak pernah berniat menjadikan suku kaum Penan di Sarawak sebagai 'bahan tontonan' pelancong, ataupun sebagai 'spesies zoologi manusia' untuk dikaji oleh ahli kaji purba seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata masyarakat antarabangsa juga tidak harus menjadikan Penan sebagai isu yang dikaitkan dengan alam sekitar dan hak asasi manusia, seperti dua ketetapan yang diluluskan oleh Parlimen Eropah tahun lalu.

Katanya, kumpulan yang dimaksudkan itu berjumlah 900 daripada kira-kira 9,000 orang Penan di Sarawak.

"Ketika sebahagian besarnya berjaya ditempatkan semula, baki kecil ini masih meneruskan hidup secara nomad dan tinggal di hutan tebal. Kita tidak mahu mereka ketinggalan di segi pembangunan dan kemajuan yang dikecap oleh orang lain di seluruh dunia.

"Adalah menjadi dasar kerajaan Malaysia untuk memberi kehidupan lebih baik kepada mereka. Tidak ada satu unsur pun yang boleh dikatakan romantik mengenai suku kaum yang

hidup melarat, sering kebuluran dan selalu diserang pelbagai penyakit ini.

"Kita juga tidak harus meminta maaf semata-mata kerana berusaha meningkatkan taraf hidup mereka," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean-EC di sini, hari ini.

Mengenai dadah, Perdana Menteri berkata, kerjasama Asean-EC amat bermakna dalam usaha memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Malaysia, katanya mengamalkan undang-undang yang keras mengenai dadah dan hasilnya setakat ini amat membanggakan.

"Kita gembira kerana makin banyak negara mulai mengambil pendekatan politik yang lebih tegas bagi mengatasi gejala ini. Sidang 1987 di Vienna berjaya meletakkan satu asas yang kukuh terhadap usaha ini.

"Adalah diharapkan, sesi khas Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) beberapa hari lagi akan meluluskan satu usul yang lebih tegas mengenai negara yang terbabit menjadi pengeluar dan pengguna dadah.

"Pengedar dadah mestilah sedar bahawa kita tidak akan memberi peluang kepada mereka untuk hidup mewah melalui perdagangan haram ini, sampai bila-bila pun," katanya.